

Mangsa projek RTB **dapat rumah**

» SPNB tawar tiga kategori kediaman ikut kemampuan penduduk

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Kepala Batas

Seramai 109 penduduk yang terbabit dengan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di kawasan Pinang Tunggal di sini, menarik nafas lega kerana bakal memperoleh Rumah Mesra Rakyat (RMR) di kawasan itu. Projek RMR terbahagi tiga kategori itu dilaksanakan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dengan harga antara RM45,000 hingga RM65,000, dengan keluasan 700 hingga 1,000 kaki persegi.

Seorang penduduk, Idrus Hanafiah, 63, berkata beliau bersyukur dengan kemudahan itu selepas 11 tahun terpaksa menyewa rumah di Sungai Petani, Kedah.

Wang simpanan mencukupi

Katanya, walaupun kecewa selepas rumah pusaka keluarganya di Permatang Saga di sini, terbabit dengan projek RTB, beliau dan ahli keluarga akur berpindah selepas memikirkan masa depan kawasan itu yang memerlukan projek RTB bagi mengelak banjir.



Reezal Merican (kanan) dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Pinang Tunggal, Datuk Roslan Saidin (dua dari kanan) menyerahkan dokumen pemilikan tapak kepada wakil penduduk pada **Majlis Penyerahan Lot Tanah Penempatan Semula Projek RTB** di Pinang Tunggal, baru-baru ini.

(FOTO ZULFA MOHAMAD /BH)

"Saya diberikan pampasan untuk mencari rumah lain, sementara menunggu tapak kekal dekat kawasan ini dibangunkan.

"Ketika itu, saya terus membawa keluarga menyewa di Sungai Petani sementara menunggu diberikan tapak untuk didirikan sebuah rumah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pada Majlis Penyerahan Lot Tanah Penempatan Semula Projek RTB di Pinang Tunggal, Tepi Sungai, di sini, baru-baru ini.

Idrus berkata, wang simpanannya bekerja sebagai pengawal keselamatan di sebuah syarikat sehingga kini cukup untuk dia membeli rumah yang ditawarkan SPNB.

Penempatan lebih selesa

Sementara itu, Ahli Parlimen Kepala Batas, Datuk Seri Reezal Merican Naina Merican, berkata lot penempatan semula itu membabitkan tiga kawasan dalam Pinang Tunggal iaitu Kampung Permatang Saga, Ekor Kucing dan

Lembah Raja.

Beliau berkata, Kerajaan Pusat melaksanakan pelbagai inisiatif termasuk memberi pampasan dan mencari kawasan sesuai untuk penempatan semula penduduk yang terbabit dengan RTB.

"Akhirnya, dengan usaha 11 tahun ini, kita berjaya mendapatkan lot tanah untuk menempatkan semula mereka, selain kesediaan SPNB mendirikan kediaman mampu milik kepada penduduk," katanya.



SUARA KOMUNITI

Suara Komuniti menentang masalah rakyat dan akhbar ini akan membantu pembaca mendapatkan maklum balas pihak berwajib. Aduan kehilangan kenalan, keluarga atau ingin mencari saksi juga boleh diajukan ke e-mel **suarakomuniti@bh.com.my**.

“Akhirnya, dengan usaha 11 tahun ini, kita berjaya mendapatkan lot tanah untuk menempatkan semula mereka, selain kesediaan SPNB mendirikan kediaman mampu milik kepada penduduk”

Reezal Merican Naina Merican,
Ahli Parlimen Kepala Batas